

01 JUL 1999

Khalil-UMNO

UMNO JADI PEMANGKIN KEPADA PERSIAPAN BN HADAPI PILIHAN RAYA UMUM

KEPALA BATAS, 1 Julai (bernama) -- Umno akan bertindak sebagai pemangkin kepada usaha menggerakkan jentera Barisan Nasional (BN) bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, kata Setiausaha Agungnya, Tan Sri Khalil Yaakub.

"Sekiranya Umno sudah memulakan tindakannya, kita boleh menggerakkan yang lain (parti komponen BN) ke dalam jentera pilihan raya," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Penang Golf Resort, Bertam, di sini.

Beliau berkata, beberapa perbincangan pelbagai peringkat telah dan sedang diadakan dengan parti-parti komponen BN berhubung perkara itu.

Umno sendiri telah bersedia menghadapi pilihan raya itu, katanya.

Beliau berkata, pada masa ini usaha sedang dijalankan untuk menyelaraskan persediaan dengan parti-parti komponen dan pada kebiasaannya Umno akan bertindak sebagai pemangkin kepada usaha itu.

Beliau menyifatkan lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Pulau Pinang selama dua hari sebagai satu motivasi kepada anggota Umno dan BN agar bersedia menghadapi pilihan raya umum.

Katanya, ketika ini semangat mereka untuk menghadapi pilihan raya amat tinggi. Keadaan ini satu petanda baik kerana bermakna Umno dan BN telah menggandakan momentum anggotanya untuk menghadapi detik itu.

Khalil, yang juga Menteri Penerangan, yakin pilihan raya ini tidak akan memecah-belahkan orang Melayu kerana ia hanya satu proses untuk memilih kerajaan dan mereka akhirnya akan bersatu semula.

Beliau mahu setiap individu menggembelingkan tenaga untuk memastikan BN memenangi pilihan raya itu dengan majoriti 2/3 seperti yang diharapkan oleh Perdana Menteri.

Mengenai kemungkinan Pemuda Umno mengambil tindakan undang-undang terhadap parti PAS berhubung pengedaran pita yang mengandungi rakaman "Debat Perdana UKM-Barisan Rakyat Lawan Umno - Wajarkah Mahasiswa Berpolitik?" oleh parti itu, beliau berkata, setakat ini tiada sebarang laporan mengenai perkara itu dimaklumkan kepada Majlis Tertinggi Umno.

Katanya, Umno telah menubuhkan sebuah jawatankuasa anti-fitnah yang turut dianggotai beberapa peguam yang bertindak sebagai penasihat kepada jawatankuasa itu.

"Terpulanglah kepada jawatankuasa itu untuk bertindak terhadap mana-mana pihak sekiranya mendapati terdapat unsur fitnah dalam pita berkenaan," kata beliau.

Bagaimanapun, tambah beliau, biarlah perkara itu dikaji dahulu oleh jawatankuasa berkenaan dan ia (jawatankuasa anti-fitnah) boleh bertindak sendiri tanpa perlu merujuk kepada Majlis Tertinggi kerana mereka telah diberikan kuasa untuk bertindak.

Beliau mengulas laporan akhbar mengenai kemungkinan Umno menyaman PAS berikutan pengedaran pita berkenaan yang didakwa mengandungi unsur fitnah.

-- BERNAMA

ZU zb